



# KENYATAAN MEDIA

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP

No. 13 Persiaran Perdana, Presint 2,  
62623 Putrajaya

No. Telefon : 03-8882 5562

No. Fax : 03-8882 5569

## KPDN LANCAR OPS CAMPUR:SIASAT PERCAMPURAN BERAS

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) telah melancarkan OPS CAMPUR mulai 10 Mac 2025 berikutan pendedahan Pusat Penyelidikan Bioteknologi dan Nanoteknologi, Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian (MARDI) berkenaan 50 peratus daripada 5,000 sampel beras import yang dirampas pihak berkuasa telah dicampur beras putih tempatan.

YB Menteri KPDN, Datuk Armizan Mohd Ali, telah memulakan inisiatif untuk menyelesaikan masalah ini dengan mengadakan perjumpaan khas bersama dengan MARDI dan seterusnya mengarahkan OPS CAMPUR dilaksanakan serta-merta.

KPDN telah mengambil langkah segera untuk melaksanakan pemeriksaan terhadap beras tempatan dan import di pasaran bagi memastikan aktiviti percampuran beras tersebut dapat dibanteras ke atas rantai pembekalan yang terlibat di bawah perundangan yang dikuatkuasakan kementerian.

Sehubungan itu, bagi mengenal pasti dan mengekang kegiatan ini serta untuk memastikan pengguna mendapat beras dari gred yang sepatutnya, KPDN telah melancarkan pelaksanaan OPS CAMPUR bagi tindakan pemeriksaan dan penguatkuasaan kepada pengilang dan pembungkus beras import.

Sebanyak 213 premis telah diperiksa dan daripada jumlah itu sebanyak 48 kes telah dihasilkan dan beberapa sampel telah disita untuk tindakan lanjut. Nilai rampasan sampel yang direkodkan ialah sebanyak RM15,321.40. Sitaan ini bertujuan sebagai pensampelan dan penentuan kuantiti yang akan dikemukakan ke Jabatan Kimia Malaysia & MARDI.

Penguatkuasaan OPS CAMPUR ini merangkumi perundangan di bawah Akta Perihal Dagangan 2011 [Akta 730]. Tindakan undang-undang akan diambil ke atas mana-mana pihak yang didapati membuat perihal dagangan palsu mengenai kandungan, jenis atau nama di bawah Seksyen 5 Akta 730. Mana-mana orang yang melakukan kesalahan boleh diambil tindakan di bawah Akta 730 dan jika disabitkan kesalahan boleh didenda seperti berikut:

- i. Individu: Denda tidak melebihi RM100,000.00 (Ringgit Malaysia Satu Ratus Ribu) atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya, dan bagi kesalahan yang kedua atau yang berikutnya, didenda tidak melebihi RM250,000.00 (Ringgit Malaysia Dua Ratus Lima Puluh Ribu atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi (5) lima tahun atau kedua-duanya.
- ii. Syarikat: Denda tidak melebihi RM250,000.00 (Ringgit Malaysia Dua Ratus Lima Puluh Ribu), dan bagi kesalahan yang kedua atau yang berikutnya, didenda tidak melebihi RM500,000.00 (Ringgit Malaysia Lima Ratus Ribu)

Selain itu, orang ramai yang mempunyai sebarang aduan yang lengkap dan tepat boleh disalurkan kepada KPDN melalui saluran berikut:

- i) Aplikasi WhatsApp ke 019-848 8000
- ii) Portal e-aduan@kpdn.gov.my;
- iii) Call centre 1 800 886 800; dan
- iv) Aplikasi telefon pintar Ez Adu KPDN.

**DATUK AZMAN BIN ADAM**

Ketua Pengarah Penguat Kuasa  
Kementerian Perdagangan Dalam Negeri  
dan Kos Sara Hidup

Putrajaya  
11 Mac 2025

###